

Ruj. Kami : MDS(PPH)135/2022(1)( )  
Tarikh : 13 Rabiul Akhir 1444H  
8 November 2022



## MAJLIS DAERAH SIK

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA



1. Sebut harga adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berminat untuk mengurus dan mengendalikan Dataran Ikan Baung Tasik Beris bagi tempoh mulai **1 Januari 2023** hingga **31 Disember 2025**.
2. Pihak pengusaha/pengurus wajib hadir sendiri semasa sesi taklimat dan lawatan tapak seperti yang tertera. **Hanya pihak pengusaha/pengurus yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Wakil daripada pihak pengusaha/pengurus adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut.** Sesi taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 06 Disember 2022 (Ahad)**  
**Masa : 9.00 Pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman**

3. Dokumen sebut harga boleh dibeli di Kaunter Majlis Daerah Sik pada **13 November 2022** dan setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM30.00**. Hanya **pengusaha/pengurus yang hadir semasa sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga tersebut**.
4. Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan :
  - a) Profil syarikat, surat perakuan dan sokongan mengenai pengalaman dan urusanniaga
  - b) Salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat
  - c) Salinan Penyata bank 3 bulan terkini
  - d) Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat
  - e) Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika ada)
  - f) Senarai lengkap makanan dan minuman beserta harga urusanniaga
  - g) Salinan sijil suntikan Typhoid (TY2)
5. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup** dan **tajuk sebut harga** dan dialamatkan kepada :-

**Majlis Daerah Sik  
08200 Sik  
Kedah Darul Aman**

6. Tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **15 Disember 2022 (Khamis)** jam **12.00 tengah hari**. **Majlis Daerah Sik tidak akan melayan sebarang kelewatan pengeposan dokumen sebut harga tersebut**.
7. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.



**SETIAUSANA  
b.p. YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
KEDAH DARUL AMAN**

- s.k. :
- a) Ketua Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Daerah Sik
  - b) Ketua Unit Undang-undang  
Majlis Daerah Sik
  - c) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Majlis Daerah Sik